

Agenda tersembunyi Barat akan ditentang

BH 21 JUN 2000

Daripada Manja Ismail

KAHERAH, Selasa – Kerajaan akan melawan habis-habisan untuk mempertahankan negara serta kemakmuran rakyat jika mendapati slogan dan ideologi baru yang dilaung-laungkan Barat sekarang mempunyai agenda tersembunyi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia telah mengalami kesan globalisasi modal atas nama pasaran bebas dan hampir musnah kerananya, tetapi bernasib baik kerana dapat menggunakan cara sendiri untuk mempertahankan diri serta membina semula ekonomi.

“Kami tahu bahawa kejayaan ini mungkin tidak lama tetapi kami tidak akan membiarkan diri dijual dengan idea, ideologi dan slogan tanpa mengajinya dengan teliti.

“Jika kami berasa sedikit keraguan bahawa ada agenda lain sedang ditonjolkan, kami

akan melawan habis-habisan untuk mempertahankan negara dan kemakmuran rakyat kami,” katanya.

Beliau menegaskan demikian ketika menyampaikan syarahan bertajuk ‘Strategi Malaysia menghadapi krisis kewangan, kesan globalisasi terhadap negara membangun’ di Auditorium Zaki Shafie, Universiti Kaherah, hari ini.

Syarahan itu dianjurkan oleh Pusat Pengajian Asia universiti berkenaan sempena lawatan Dr Mahathir ke sini untuk menghadiri sidang puncak kesepuluh Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15).

Dalam ucapan kira-kira sejam itu, beliau secara agak

terperinci, menjelaskan bagaimana Malaysia menghadapi krisis ekonomi yang menyerang Asia dua tahun lalu, terutama langkah kerajaan memperkenalkan kawalan modal berpilih dan penetapan nilai ringgit.

Malaysia akan melawan habis-habisan untuk mempertahankan negara dan kemakmuran rakyat.

Perdana Menteri turut menyenutuh kesan cadangan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) bagi menghadapi krisis itu serta keberkesanan kaedah Malaysia menangani

nya, walaupun menenma pelbagai kritikan pada peringkat awal.

Dengan menjadikan slogan pasaran bebas sebagai contoh, Dr Mahathir menegaskan mesin propaganda Barat

pandai menjadikan setiap orang berasa bersalah jika tidak menerima idea dan ideologi baru negara kaya bagi membolehkan mereka mendapat faedah daripada negara miskin.

Demokrasi, pasaran bebas, dunia tanpa sempadan, liberalisasi hak pekerja dan buhuh kanak-kanak diperbesar-besarkan oleh Barat dan kemudian memaksa negara miskin mengamalkannya.

Semuanya itu, kata Perdana Menteri, hanya sedap didengar tetapi penerimaan oleh negara miskin, secara umumnya, menyebabkan kedudukan mereka terjejas sehingga terpaksa bergantung kepada ihsan negara kaya.

“Malaysia yang mengamalkan pasaran bebas kini diberitahu bahawa kerajaannya adalah keterlaluan kerana pasaran bebas yang menentukan peringkat dan cara per-

LIHAT MUKA 2

Dr M persoal peranan pasaran bebas

BH 21 JUN 2000
DARI MUKA 1

tumbuhan ekonomi.

"Pasaran bebas dilihat boleh mendisiplinkan kerajaan, menjadikannya lebih bertanggungjawab, telus dan kurang rasuah. Tetapi pasaran wujud bagi membolehkan pelabur mengumpul wang dan memaksimumkan keuntungan, bukan untuk menampung keperluan negara atau kebajikan rakyat," katanya.

Dr Mahathir berkata, perniaga tidak dipilih oleh rakyat untuk menjaga kebajikan mereka. Jika mereka dilantik pun, ia adalah oleh pemegang saham yang mahukan keuntungan untuk diri sendiri.

Oleh itu, katanya, adalah bodoh mengatakan bahawa pasaran bebas akan mendisiplinkan kerajaan bagi kebaikan negara dan rakyat. Sebaliknya, kerajaan terutama yang demokratik, berhutang kepada pengundi bagi memastikan kebaikan dan pembangunan negara.

"Namun, hari ini orang bercakap mengenai pasaran bebas seolah-olah ia adalah agama yang mesti diterima oleh setiap orang. Mempersoalkan perannya dalam membentuk pembangunan ekonomi dunia bermakna murtad. Pasaran bebas mesti diterima dan dipegang oleh setiap orang, kaya dan miskin," katanya.

Perdana Menteri berkata, pasaran bebas tidak lebih daripada satu nama baru bagi kapitalisme tanpa kawalan, yang bermula dengan C huruf besar dengan saiz modalnya sukar dipercayai.

Perdagangan mata wang yang 20 kali ganda lebih besar daripada nilai perdagangan dunia boleh mengganggu perniagaan di mana-mana negara. Keseluruhan ekonomi negara terjejas apabila modal sebesar itu digunakan untuk membeli dan menjual mata wang.

Ia mengkayakan penggerak wang dan memiskinkan seluruh negara, mencetuskan rusuhan, kekerasan dan peperangan, menggulingkan kerajaan dan menyebarkan anarki.

"Bagitupun, pasaran bebas atau kapitalisme tanpa kawalan masih dipertahankan," katanya sambil menambah sudah tiba masanya, terutama negara miskin, bahawa mereka dipujuk dengan kata-kata dan janji manis melalui slogan, sistem dan idelogi baru.

"Kita tidak boleh balik kepada ekonomi Sosialis dan Komunis. Tetapi adakah perlu jalan untuk kita ke depan mesti ditunjuk oleh yang kaya dan berkuasa?"

"Tidak bolehkah pasaran menjadi bebas tanpa dikuasai oleh yang kaya dan berkuasa. Malah, apakah satu pasaran bebas itu bebas jika ia dikuasai oleh yang kaya?," tanya Dr Mahathir.